

Idea Pemikiran Pluralisme Agama dalam Penulisan Buku Indie ‘Aku..., Maka Aku Ada’ dan ‘Antithesis’

The Idea of Religious Pluralism in the Writing of Indie Books “Aku..., Maka Aku Ada” and “Antithesis”

MUHAMAD FAISAL ASHAARI
LILY YAAKUB
ROSMAWATI MOHAMAD RASIT

ABSTRAK

Penulisan buku Indie berteraskan kepada idea kebebasan yang meliputi konsep keterbukaan, kesamarataan dan toleransi. Dengan sifat kebebasan ini, genre penulisan ini terdedah dengan pemikiran pluralisme agama melalui sifat penerbitan mandiri. Dalam menganalisis elemen pluralisme agama dalam buku Indie, tiga parameter digunakan iaitu; semua agama menuju Tuhan yang sama tetapi melalui jalan dan cara yang pelbagai, semua manusia tanpa mengira kedudukan agama berhak menerima balasan syurga asalkan mereka melakukan kebaikan, dan tiada kebenaran mutlak pada mana-mana agama. Sebanyak dua karya yang dipilih sebagai sampel kajian untuk menganalisis sejauh manakah pemikiran pluralisme agama digarap dalam penulisan buku indie karya Faisal Tehrani “Aku..., Maka Aku Ada” dan karya Benz Ali “Antithesis”. Hasil kajian mendapati kedua-dua buah buku ini mengandungi ketiga-tiga parameter yang telah ditetapkan. Buku yang pertama mengandungi tujuh perkara yang secara jelas selari dengan pluralisme agama manakala buku yang kedua pula mempunyai lima perkara. Dua karya ini mempunyai trend tersendiri dalam mengkritik dan mengangkat isu-isu kemasyarakatan yang menyentuh aspek akidah dan agama, tetapi olahan yang digunakan mengandungi elemen pluralisme agama.

Kata kunci: Pluralisme agama; Indie genre; penerbitan mandiri; kebebasan

ABSTRACT

The writing of Indie books is based on the idea of freedom that embraces the concept of openness, equality and tolerance. With this freedom of writing, this genre of writing is exposed to religious pluralism, especially when it is self-publishing in its nature. To analyse the elements of religious pluralism in this genre of writing, three parameters are used: all religions believe in the same God, but in different ways and means, all people regardless of their beliefs are entitled to a heavenly reward as long as they do good, and there is no absolute truth in any religion. Two works were selected as the samples of the study to examine the ways religious pluralism is treated in Indie genres. Both works are written by Faisal Tehrani titled “Aku..., Maka aku ada” and by Benz Ali titled “Antithesis”. The study finds that both books contain three elements of religious pluralism. The former comprises seven items while the latter includes five items that are clearly in line with religious pluralism. Though these two works demonstrate their ways of criticising and raising social issues that touch on aspects of faith and religion, the processes involved contain elements of religious pluralism.

Keywords: Religious Pluralism; Indie genre; self publishing; freedom

PENDAHULUAN

Kemunculan genre buku Indie yang mendapat tempat pada pertengahan dekad lalu merupakan salah satu manifestasi daripada perkembangan pesat media baharu yang dibawa oleh teknologi maklumat (MABOPA 2016). Menurut Muhammad Atiullah et al. (2018), media baharu menyediakan persekitaran yang sangat terbuka bukan sekadar membolehkan pelbagai pihak bersuara tetapi mereka

boleh menerbitkan karya dan menjualnya dalam pasaran secara terbuka. Menerusi media baharu, amalan tradisi semakin longgar dan kawalan pihak berautoriti dalam persekitaran ini pun semakin lemah (Creeber 2009). Masyarakat mencegah nilai kebebasan dan kesamarataan dengan lebih luas kerana hampir tiada perkara yang tidak boleh dalam persekitaran ini. Masyarakat boleh melontarkan idea dan berkarya dengan bebas walaupun karya itu mungkin mencabar norma dan nilai yang sudah

diterima umum. Dengan kemahiran yang baik dalam penulisan dan penyuntingan serta jaringan maya yang baik, mereka boleh menerbitkan buku tanpa menggunakan khidmat penerbit yang tersohor.

Kebebasan yang menjadi teras kepada penerbitan buku Indie ini tidak lagi tertakluk dengan kawalan yang ketat dari pihak berkuasa. Penulis cenderung membincangkan idea yang unik dan mempunyai kelainan dan mencabar kelaziman kerana pendekatan ini yang selalunya mendapat perhatian dan sambutan yang amat menggalakkan dari pembaca. Cemuhan dan kritikan yang diterima dari masyarakat tidak dianggap sebagai halangan, tetapi ia merupakan suatu kelebihan kepada buku indie kerana ia bagaikan mempromosikan buku ini secara tidak langsung (Nur Hasimah et al. 2018). Mereka menekankan prinsip kebebasan dan hak asasi yang keduanya merupakan teras kepada pluralisme (Muhammad Rashidi dan Siti Nur Hidayah 2017). Lebih dari itu, lontaran idea yang bebas dan terbuka itu boleh mengandungi elemen pluralisme agama kerana ia berpegang dengan konsep yang menerima secara sama rata semua pandangan termasuklah dalam perkara agama. Dengan kata lain, tiada satu pandangan yang lebih tinggi dan mengatasi yang lain. Artikel ini membincangkan idea pluralisme agama yang terdapat dalam penulisan buku Indie dengan mengambil contoh dari dua buku Indie yang popular.

KONSEP BUKU INDIE

Buku Indie merupakan salah satu genre penerbitan yang mendapat tempat dalam kalangan anak muda pada hari ini. Ia adalah singkatan daripada perkataan *Independent* iaitu bergerak secara sendiri, bebas dan tidak bergantung kepada mana-mana pihak. Namun konotasi istilah Indie ini tidak bersifat statik dan dapat berubah maknanya mengikut konteks tertentu. Menurut Jube (2008: 34), penggunaan istilah Indie ini lebih dahulu dikenali dalam bidang muzik pada tahun 1970-an. Walau bagaimanapun, istilah ini digunakan secara meluas dalam pelbagai lapangan termasuk filem, sukan, permainan, industri pakaian dan gaya hidup. Indie bergerak berdasarkan apa yang mereka miliki, dengan etika “*do-it yourself*” (DIY), daripada mencipta karya, mempromosikan karya, dan menjualnya sendiri. Ini bermakna, Indie tidaklah terhad kepada buku sahaja tetapi mana-mana yang bersifat bebas daripada cara lama, ia boleh dimasukkan dalam kategori Indie, sesuai dengan namanya yang bersifat bebas. Dengan

sifatnya yang bebas, Indie dalam bidang penulisan dilihat sebagai buku yang membawa genre yang bebas dan boleh bertentangan dengan arus perdana. Ia membawa kritikan yang boleh mencetuskan rasa kurang selesa dan salah faham dalam masyarakat.

Dalam dunia penerbitan buku, penerbit Indie ditampilkan sebagai penerbit mandiri iaitu menerbitkan karya secara sendiri. Konsep ini memudahkan penulisnya mengungkapkan apa-apa idea dengan bebas berdasarkan kepada falsafah sesebuah aliran atau ideologi yang dipegang (Muhammad Rashidi & Siti Nur Hidayah 2017; Muhammad Atiullah et al 2018). Konsep penerbitan ini mungkin berbeza dengan konsep penerbitan arus perdana yang didominasi oleh penerbit yang sudah tersohor dalam dunia perbukuan negara. Penerbitan arus perdana lebih bertanggung jawab dan tidak melakukan sesuatu yang terlalu bercanggah dengan pemikiran arus perdana untuk menjaga kesejahteraan dan keharmonian masyarakat. Ia meliputi penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), penerbit buku ilmiah dan penerbit buku popular seperti Karangkraf dan PTS yang mempunyai standard tersendiri dalam penerbitan dan lebih bertanggungjawab. Semua penerbit yang besar ini mempunyai tanggung jawab sosial yang tinggi dalam menjaga kualiti penerbitan di samping khuatir risiko kerugian sekiranya tindakan mereka yang boleh menghilangkan kepercayaan masyarakat. Namun, bagi penerbit buku Indie yang berskala kecil tidak takut dengan risiko ini kerana mereka mempunyai sasaran pembaca yang tersendiri dan bilangan terbitan mereka biasanya tidak banyak. Antara syarikat penerbitan buku Indie yang menerbitkan karya Indie di Malaysia ialah Lejen Press, Fixi, DuBook Press, Thukul Chetak, Studio Anai-Anai, Merpati Jingga, Poket Press dan pelbagai lagi. Penerbit buku Indie ini telah melahirkan ramai penulis-penulis Indie yang dikenali ramai misalnya Zul Fikri Zamir, Benz Ali, Azwar Kamaruzaman, Ismi F.A dan ramai lagi (Mohammad Hasan Sharafi, 2017).

Oleh kerana sifatnya mandiri, maka tiada keterikatan dari sudut genre buku yang dihasilkan dan idea pemikiran yang diketengahkan kepada masyarakat. Menurut Cheang (2019), fenomena penerbitan buku indie membuka paradigma pemikiran baharu dalam perubahan arus perdana penulisan kesusasteraan Melayu. Penulis buku genre ini bebas berkarya mengikut idealisme yang dipegang oleh mereka. Isu kesantunan bahasa dan kualiti karya bukanlah keutamaan mereka kerana matlamat penulisan mereka ialah untuk

meluahkan cita rasa dan apa yang mereka rasakan dan berupaya menzahirkan suatu pemikiran baru dalam masyarakat. Dengan bentuk penerbitan yang seperti ini, kemunculan genre Indie ini melahirkan satu lagi bentuk penulisan yang mempunyai stil dan keunikannya tersendiri. Malah kumpulan penulisnya berjaya menjadikan buku Indie sebagai medium suara anak muda yang mahukan tempat dalam masyarakat.

KONSEP PLURALISME AGAMA DALAM BUKU INDIE

Pluralisme agama adalah pemikiran yang mengiktiraf kebenaran setiap agama atas prinsip semua agama menuju suatu matlamat yang sama (Khalif Muammar 2013). Pemikiran ini mempercayai bahawa tiada suatu agama yang lebih benar daripada yang lain kerana tiada pihak yang mengatasi atau lebih berautoriti daripada yang lain untuk menentukan kebenaran atau kesalahan pihak yang lain (Bryne 1995). Pegangan ini akan membawa kepada suatu tanggapan bahawa semua agama mendorong manusia melakukan kebaikan kerana masing-masing menyangka bahawa matlamat semua agama adalah kebaikan. Hick (1987) menjelaskan bahawa perubahan hidup manusia dari berpusat pada diri sendiri menuju Tuhan terjadi dalam semua agama dalam pelbagai bentuk dan cara. Agama baginya dianggap mempunyai kebaikan dan membawa pengikut masing-masing kepada kebenaran. Dengan kata lain, dalam pluralisme agama tiada agama yang lebih benar melainkan semua agama yang dianuti adalah benar. Begitu juga, tiada agama yang lebih hebat melainkan semuanya sama sahaja taraf kedudukannya. Pluralisme agama berpegang kepada tiga elemen utama iaitu kebebasan, kesamarataan dan toleransi. Setiap satu daripadanya wujud dalam genre penulisan buku Indie.

KEBEHASAN

Kebebasan memberi dan menerima apa jua pandangan khususnya dalam perkara yang berkaitan dengan agama tanpa ada suatu mekanisme yang boleh menentukan kebenaran sesuatu pandangan ini boleh mendorong kepada mengiktiraf kebenaran semua pandangan dalam agama yang dikenali sebagai pluralisme agama (Mohd Farid 2014). Perkara ini boleh berlaku dalam genre Indie kerana penerbitannya bersifat mandiri dan ia pula sesuai dengan media baharu yang memberikan ruang

kebebasan bersuara yang luas tanpa atau kurang halangan daripada pihak berautoriti (Ali dan Mohd Safar 2011). Sesiapa pun bebas berkarya dan menerbitkan karya mereka tanpa perlu melalui prosedur penapisan karya. Mereka tidak lagi terkongkong atau pun terikat dengan peraturan yang mungkin membantutkan idea dan menyekat kreativiti mereka. Dengan ini, buku Indie dilihat sebagai medium yang berjaya mengangkat tema kebebasan bersuara dan ruang menyuarakan pandangan dan pendapat Muhammad Atiullah et al (2018) atas nama keterbukaan sehingga boleh membawa kepada pluralisme agama.

KESAMARATAAN

Kesamarataaan merupakan salah satu keinginan kelompok minoriti kerana mereka mahu keinginan dan hak mereka diiktiraf dan dihormati oleh kelompok majoriti. Ia merupakan unsur penting dalam hak asasi barat kerana tidak menghormati kesamarataaan ini akan membawa kepada penindasan terhadap kumpulan lain. Oleh itu, kesamarataan merupakan elemen yang sangat penting dalam pluralisme supaya semua pihak mempunyai hak yang sama rata dalam memberi pandangan tanpa mengira sama ada dari kelompok majoriti atau minoriti. Penulis buku genre ini mahu pandangan mereka diberikan tempat Dalam karya Indie, idea-idea yang dilontarkan biasanya bersifat unik, pelik dan mencabar kelaziman (Nur Hasimah et al. 2018) seperti mengkritik sistem beraja dan mengkritik agama. Untuk mengetengahkan idea ini perlu kepada suatu paradigma bahawa pandangan kelompok minoriti dan yang mencabar kelaziman ini mempunyai hak untuk diketengahkan. Oleh itu, paradigma pluralisme diperlukan dengan menganggap kesamarataaan dalam semua pandangan.

Atas prinsip yang seperti ini, maka banyak buku Indie yang mengeluarkan pandangan yang agak keterlaluan (Muhammad Rashidi dan Siti Nur Hidayah 2017). Menurut kajian mereka, terdapat beberapa isu yang perlu diberi perhatian kerana kandungannya boleh mengancam keharmonian dan aqidah umat Islam. Buku Indie dilihat sebagai agen penyebaran idea dan pemikiran berdasarkan prinsip kesamarataan yang menjadi tunjang kepada hak asasi dan seterusnya pluralisme agama. Idea kesamarataan ini begitu menyerlah dalam buku-buku yang dihasilkan menerusi cara penyampaiannya yang dilihat bersifat memberontak, agresif dan radikal bagi menuntut kesamarataan. Dengan ciri ini, kewujudannya mendapat tempat di hati golongan

muda (Muhammad Febriansyah 2016) terutamanya bagi mereka yang inginkan kebebasan berfikir dan bertindak tanpa sebarang sekatan (Muhamad Faisal et al. 2018).

TOLERANSI

Toleransi merupakan elemen penting dalam fahaman pluralisme kerana sikap tidak bertolak ansur kepada pandangan lain selain dari pandangannya sahaja membuka ruang kepada ekstremisme (Fives 2019). Dalam konsep pluralisme agama toleranai boleh membuka ruang penyatuan secara lebih luas sekalipun terdapat perbezaan. Sekaligus, pluralisme agama diangkat sebagai fahaman yang berupaya mencetuskan keharmonian dan toleransi dalam kehidupan bermasyarakat. Menurut Galtson (2002), pluralisme agama adalah fahaman yang dapat mengatasi keterbatasan manusia dalam memberikan penjelasan yang konkret dan kukuh semasa mencapai kebenaran mutlak menuju kepada Tuhan yang satu. Bagi Galtson, kelemahan yang wujud itu dapat diatasi melalui dialog yang konstruktif antara pengikut agama yang pelbagai. Suasana ini secara tidak langsung mewujudkan rasa kebersamaan dan semangat kerjasama yang tinggi dalam masyarakat. Sedar atau tidak, sikap kebersamaan yang dibina atas dasar toleransi ini, membuka ruang untuk masyarakat bersetuju dan bersefahaman dalam banyak hal termasuklah dalam urusan agama.

Elemen toleransi ini juga menjadi asas yang penting dalam paradigma buku Indie kerana masyarakat perlu bertolak ansur dengan pandangan yang berbeza dengan umum masyarakat. Elemen ini menjadi tiket kepada mereka untuk bebas melontarkan pandangan yang pelik dan mencabar kelaziman dalam masyarakat. Menurut kajian Grounded Theory terhadap buku Indie oleh Muhammad Atiullah et al. (2018) mendapati buku Indie yang bertajuk Amerika (2011), Mani: Wanita Kebaya Kuning (2014), Lari Dari Syurga (2012), KL Noir (2013), Gantung (2013) dan Nazi Goreng (2014), mengandungi unsur-unsur negatif seperti lucah, menggalakkan zina dan pemikiran liberalisme. Malah, penggunaan bahasa kesat dan menonjolkan nilai keruntuhan akhlak turut diselitkan dalam buku-buku Indie yang bertajuk Kougar (2011), Dari Tanjong Malim ke KLCC (2012), Lari Dari Syurga (2012), Burgermpak (2013), Mani: Wanita Kebaya Kuning (2014), Orang Ngomong Anjing Gong Gong (2015), dan Perjalanan (2015). Selain itu, Azril (2017) juga mendapati sebahagian buku-buku Indie telah mempromosi idea-idea liberalisme yang

agak keterlaluan seperti kritikan melampau terhadap autoriti agama, penolakan terhadap pandangan ulama dan mendakwa tiada kebenaran mutlak dalam Islam.

Ringkasnya, tiga elemen pemikiran pluralisme, yang dibincangkan di atas seringkali menjadi asas dalam penulisan dan penerbitan buku Indie. Walau bagaimanapun tidak semua karya indie mempunyai semua elemen berkenaan dan tidak semuanya juga mempunyai ciri yang menonjol dengan setiap elemen. Namun, elemen itu biasanya wujud sama sedikit atau banyak.

KERANGKA ANALISIS

Bagi menganalisis kewujudan elemen pluralisme agama dalam buku Indie seperti yang dibincangkan di atas, kajian ini menggunakan parameter yang terdiri dari rumusan terhadap tonggak utama kepada pemikiran ini. Parameter ini terdiri dari tiga konstruk yang diadaptasi daripada penulisan John Hick (1987, 1989), Haslina Ibrahim (2014), (Mohd Farid (2014) dan Khalif Muamar (2015) iaitu;

1. Tuhan yang sama tetapi jalan yang berbeza
2. Semua manusia berhak mendapat balasan kebaikan dan syurga walaupun apa sahaja agama yang dianutinya.
3. Tiada mana-mana agama yang lebih benar dan lebih tinggi daripada agama yang lain.

Pertama: Pluralisme agama menganjurkan konsep menuju tuhan yang sama tetapi melalui jalan dan cara yang pelbagai. Hick (1987) menjelaskan bahawa pluralisme agama merupakan pandangan yang menyatakan kepercayaan manusia daripada pelbagai agama adalah sama. Agama hanya berbeza dari sudut ritual dan tradisi keagamaan sahaja. Ia adalah hasil penjelmaan daripada tindak balas manusia yang menganut pelbagai agama terhadap hakikat tinggi(ketuhanan) yang sama (*The Real or Ultimate*). Pandangan sarjana Barat ini turut diperakui oleh sarjana Muslim yang cenderung kepada pluralisme agama seperti Nurcholish Majid (dlm. Jalaluddin Rakhmat 2006: iv). Beliau mengatakan "...setiap agama sebenarnya merupakan ekspresi keimanan terhadap Tuhan yang sama. Ibarat roda, pusat roda itu adalah Tuhan, dan jari-jari itu adalah jalan daripada berbagai-bagai agama". Analogi yang dinyatakan oleh Nurcholish ini menjelaskan kepelbagaiannya agama itu mesti diterima dan diakui dengan baik walaupun cara penyembahan kepada tuhan itu boleh dilakukan dengan pelbagai cara kerana ia sudah diaturkan.

Beliau turut mengungkapkan pluralisme agama ini dengan ungkapan mudah iaitu ‘satu Tuhan, banyak jalan’ (Nurcholish Majid 1998: 3) yang mengiktiraf kepelbagaiannya cara mendekati Tuhan kerana bagi beliau Pluralisme adalah aturan Tuhan (Sunnah) yang tidak akan berubah bahkan tidak boleh ditolak dan diingkari begitu sahaja.

Kedua: Semua manusia berhak mendapat balasan kebaikan dan syurga walaupun tidak beragama Islam. Pendukung Pluralisme agama meyakini bahawa setiap orang baik dan mentaati Tuhan berpeluang untuk masuk syurga dan tidak terhad kepada orang Islam sahaja. Pernyataan ini seakan sama dengan ciri inklusivisme yang menjadi sebahagian daripada Pluralisme agama. Rahner (2001:19-38) seorang ahli teologi Kristian terkemuka yang mendukung inklusivisme mengatakan bahawa pengikut agama selain Kristian akan turut mendapat keselamatan dengan rahmat Tuhan Yesus walaupun mereka bukan pengikut Kristian kerana mereka merupakan “orang Kristian yang tidak dikenali sebagai Christians (*anonymous Christians*)”. Hick (1987) pula berpandangan agama-agama besar harus dilihat sebagai wahana yang pelbagai untuk manusia mencapai keselamatan iaitu balasan kebaikan seperti ganjaran baik dan syurga yang diberikan pada pengakhiran kehidupan manusia. Tiada mana-mana agama yang harus memonopoli jalan keselamatan kerana semua agama adalah sama, sah dan benar.

Pandangan kedua-dua sarjana Barat ini agak selari dengan pandangan tokoh penulis Muslim dari Mesir yang cenderung kepada liberalism iaitu Jamal al-Banna (2001) yang menegaskan, orang bukan Islam seperti Thomas Edison sewajarnya masuk syurga kerana sumbangannya yang cukup besar kepada umat manusia dengan penciptaan lampu elektrik. Bagi Jamal, agama apa pun yang dianut oleh seseorang bukanlah hal yang penting kerana penentuan kelayakan seseorang untuk masuk ke syurga adalah bersandarkan kepada amal baiknya dan bukan agama. Pandangan ini turut disokong oleh Hofmann (2005) yang menyatakan semua manusia layak memasuki syurga asalkan kehidupannya di dunia penuh dengan amalan kebaikan dan ketaatan kepada tuhan. Legenhause (2005) mengungkapkan, “...the followers of other traditions may find the way to salvation through their own faiths by the grace of God”. Menurut Legenhause (2005) juga, tidak boleh diterima oleh akal sekiranya Tuhan menciptakan ramainya manusia namun hanya sedikit yang dimasukkan ke dalam syurga dan ini sekali gus bertentangan dengan sifat dan prinsip kasih sayang Allah.

Ciri ketiga: Pluralisme agama menekankan bahawa tiada mana-mana agama yang lebih benar dan lebih tinggi daripada agama-agama yang lain. Smith (1967) menyatakan kebenaran sesuatu agama itu hanya bersifat subjektif dan peribadi kerana tiada kebenaran mutlak. Bagi Smith, dakwaan kebenaran sesuatu agama hanyalah jalan yang diwujudkan oleh manusia bagi membincangkan realiti ketuhanan. Malah menyifatkan tiada mana-mana agama boleh menilai dan membuat perbandingan terhadap agama lain. Dakwaan ini juga dibuat atas alasan, semua agama tertakluk kepada proses pentafsiran agama yang dinamik dan keterlibatan penganutnya dalam menyesuaikan kefahaman agama mereka dengan kepelbagaiannya konteks sejarah. Maka setiap agama adalah bersifat relatif, terbatas dan tidak sempurna. Bahkan semua agama mempunyai maklumat terhad terhadap tuhan atau kebenaran mutlak. Oleh yang demikian, tiada agama yang layak menafikan agama lain mahupun mendakwa bahawa agamanya sahaja yang benar dan mutlak.

Penilaian terhadap agama lain juga tidak boleh dilakukan sekiranya penilaian tersebut dilihat dalam kerangka agama sendiri. Hick (1988) berpandangan, seseorang perlu membebaskan diri daripada kerangka agamanya sekiranya mahu menilai agama lain. Hick turut menjelaskan, terdapat satu persamaan yang tidak boleh dinafikan iaitu pluralisme agama bukanlah kepelbagaiannya agama atau toleransi beragama. Sebaliknya ia adalah, pengakuan akan kebenaran yang sama rata bagi semua agama. Bagi Hick, semua agama pada hakikatnya dikatakan berasal daripada tuhan yang sama.

Sementara itu, Seyyed Hussein Nasr (1989) menjelaskan pluralisme agama bukanlah kepelbagaiannya agama atau toleransi agama, tetapi pengakuan akan kebenaran yang sama rata bagi semua agama, kerana semua agama pada hakikatnya berasal dari Tuhan yang sama. Mengambil kira teori kesatuan transenden agama-agama atau dikenali sebagai fahaman *Wahdat al-adyan* yang diperkenalkan oleh Schoun, Nasr menegaskan, perbezaan antara agama adalah sama dengan perbezaan yang berlaku dalam bahasa manusia iaitu “...The different religions are like so many languages speaking of that unique Truth as it manifests itself in different worlds according to its inner archetypal possibilities, but the syntax of these languages is not the same” (Nasr 1989: 293).

Ringkasnya, para pendukung pemikiran ini telah mengiktiraf kebenaran yang sama bagi semua agama dan tiada mana-mana agama boleh mempertikaikan agama lain. Apa yang pasti, dakwaan pemikiran

pluralisme agama ini banyak bersandarkan hujah akal dan logik mudah. Malahan, dilihat ada pihak yang mengakui pluralisme agama bukan sesuatu yang baru malah telah berakar dan diterima dalam tradisi keilmuan Islam. Adalah wajar umat Islam hari ini bersikap inklusif dan pluralis terhadap penganut agama lain.

JADUAL 1. Unit Analisis Elemen Pluralisme Agama

Unit Analisis	Penjelasan
i. Menuju Tuhan yang satu tetapi melalui jalan dan cara yang pelbagai	Meyakini semua agama menuju kepada Tuhan yang sama cuma berbeza cara dan jalan untuk mencapai kepada Tuhan tersebut
ii. Kebenaran yang sama rata bagi semua agama	Tiada mana-mana agama boleh mendakwa bahawa agama mereka sahaja mempunyai kebenaran mutlak
iii. Semua manusia berhak mendapat balasan kebaikan dan syurga tanpa mengira kedudukan agama	Balasan syurga adalah milik semua penganut agama asalkan mereka berkelakuan baik semasa berada di dunia

Sebanyak dua buah buku Indie dipilih sebagai sampel iaitu buku “Aku..., Maka Aku Ada” karya Faisal Tehrani yang diterbitkan oleh Dubook Press pada tahun 2015. Dengan saiz buku 6x9 yang mengandungi 22 tajuk kecil yang dimuatkan dalam 179 halaman, buku ini mengisahkan luahan perasaan penulis terhadap beberapa isu yang melibatkan agama, politik, alam sekitar dan hak asasi manusia. Kulit belakang buku ini turut memaparkan intipati perasaan penulis sekali gus memberi gambaran ringkas tentang isi kandungannya. Buku ini telah diulang cetak sebanyak tiga kali.

Kedua, buku karya Benz Ali yang bertajuk “Antithesis” yang diterbitkan oleh Dubook Press pada tahun 2014. Dengan saiz 6X9 dan 230 halaman, buku ini mempunyai 99 artikel pendek yang mengandungi unsur kritikan dan pandangan peribadi penulis terhadap beberapa isu seperti isu agama, politik dan masalah masyarakat Malaysia. Sama seperti buku Faisal Tehrani, buku ini juga diulang cetak sebanyak tiga kali dan mendapat sambutan

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan analisis kandungan dengan aplikasi perisian Atlas ti. 8.0 untuk mengelompokkan tema-tema yang telah ditentukan. Unit analisis terdiri dari tiga tema utama pada Jadual 1;

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan analisis kandungan dengan aplikasi perisian Atlas ti. 8.0 untuk mengelompokkan tema-tema yang telah ditentukan. Unit analisis terdiri dari tiga tema utama pada Jadual 1;

yang menggalakkan. Tajuk buku “Antithesis” secara umumnya bermaksud sesuatu yang bertentangan atau kontra dengan idea majoriti arus perdana dan autoriti.

Dua buku yang telah disebutkan di atas akan dijadikan sebagai sampel kajian bagi mengenal pasti cara elemen pluralisme agama diolah dalam buku Indie. Kajian ini akan merungkai secara mendalam bagaimana cara dan gaya idea pluralisme ini ditulis dan dipersembahkan dalam buku Indie dengan mengeluarkan dan memaparkan konotasi petikan ayat yang berkaitan.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Dapatkan menunjukkan dua buku yang dikaji mengandungi idea pluralisme agama. Jadual 2 menunjukkan rumusan analisis elemen pluralisme yang telah dikenal pasti terkandung di dalam kedua-dua buah buku yang dikaji ini;

JADUAL 2. Rumusan Analisis Elemen Pluralisme Agama dalam Buku Indie

Unit Analisis	Aku..., Maka Aku Ada	Antithesis
i. Menuju Tuhan yang satu tetapi melalui jalan dan cara yang pelbagai	2 petikan (halaman 12 & 55)	1 petikan (halaman 212)
ii. Kebenaran yang sama rata bagi semua agama	3 petikan (halaman 11, 46 & 47)	1 petikan (halaman 171)
iii. Semua manusia berhak mendapat balasan kebaikan dan syurga tanpa mengira kedudukan agama	2 petikan (halaman 12 & 13)	3 petikan (halaman 208, 210 & 214)

Berikut merupakan perbincangan mendalam tentang bentuk elemen pluralisme agama yang telah diselitkan dalam kandungan ke dua-dua buku Indie ini;

KONSEP MENUJU TUHAN YANG SATU TETAPI MELALUI JALAN DAN CARA YANG PELBAGAI

Salah satu ciri pemikiran pluralisme agama ialah menanggapi semua agama muncul dari Tuhan dan Sumber Yang Satu atau dikenali sebagai '*Transcendent Unity of Religious*', malahan mereka berpegang kepada prinsip, semua agama menyembah pada Tuhan yang sama. Cuma yang berbeza adalah wasilah atau perjalanan agama-agama dalam menuju Tuhan tersebut. Sebahagian pandangan melihat agama adalah sebagai suatu yang diperlukan oleh manusia dan merupakan bentuk-bentuk luahan kepercayaan dan ketundukan manusia terhadap Hakikat Yang Satu seperti mana menurut Mahmoud Ayoub (2005) Pluralisme agama adalah merupakan suatu pengiktirafan terhadap kepelbagaiannya agama dalam masyarakat dan menerima keabsahan kepercayaan agama itu dalam piawaian yang sama. Untuk itu, pemikiran pluralisme agama menganjurkan pengabaian iktikad tentang kebenaran agama sendiri dan mengiktiraf kebenaran melintasi batas agama.

Dalam konteks kajian ini, ciri pluralisme agama ini turut sama diketengahkan dalam ke dua-dua buah buku ini. Antaranya dalam buku “Aku..., Maka Aku Ada” yang telah mengiktiraf semua penganut agama itu mempunyai taraf yang sama. Artikel “Tuhan Untuk Ultraman” di dalam buku tersebut turut menyatakan tiada perbezaan antara satu penganut agama dengan penganut agama yang berlainan kerana semua penganut agama akhirnya membawa kepada Tuhan Yang Sama. Petikan dari buku tersebut seperti berikut:

“Aku ingin meredakan marah Sharifah Sonia, aku membujuk; ‘Sudahlah Son, Allah adalah Tuhan yang Maha Mencipta. Manusia, dengan segenap limitasi, keterhadan dan keterbatasan akan memikirkan dengan penuh bingung tentang Allah. *Manusia; Asya’irah, Syiah, Muktazilah termasuk juga manusia; Kristian, Sikh, Yahudi, Hindu akan mencipta konsep-konsep dan pemahaman sendiri-sendiri mengenai Tuhan. Benar salahnya konsep itu akan sering dipertengkarkan sampai kiamat, la tidak mendatangkan hasil yang banyak melainkan untuk orang yang menggunakan akal. Di akhirnya, yang jelas adalah Allah adalah Tuhan untuk semua kerana Allah adalah Tuhan, Yang Maha Menciptakan. Bagaimana ia disembah dan bagaimana dirujuk*

adalah perihal lain pula. Tentu setiap umat dan penganut agama akan mempunyai tanggapan dan pemahaman bahawa konsep mereka terbaik dan paling benar, bahawa kaedah penyembahan mereka adalah yang lurus. Itu sudah melampaui bab yang lain. Bertengkar mengenainya sangat meletihkan sekali. Tetapi hakikat bahawa Allah menciptakan kita semua tidak tersangkal dan terpungkir lagi. Tidak ada yang dapat memadam hakikat ini. Kita berpegang pada fakta itu memadailah.” (Faisal 2016: 46)

Petikan artikel di atas ini menerapkan pemikiran pluralisme agama secara jelas. Penulis buku ini cuba membawa khlayak pembaca tentang konsep ketuhanan yang sama bagi semua penganut agama dengan tulisannya “*...Di akhirnya, yang jelas adalah Allah adalah Tuhan untuk semua kerana Allah adalah Tuhan, Yang Maha Menciptakan. Bagaimana ia disembah dan bagaimana dirujuk adalah perihal lain pula*”. Petikan ayat tersebut menunjukkan penulis buku ini dengan mudah menyamaratakan konsep ketuhanan kepada semua penganut agama hanya bersandarkan kepada hujah dan logik akal semata-mata.

Dakwaan ini ada asasnya apabila artikel seterusnya yang bertajuk “MH 370, Maira Mengajar Kami” telah memperlihatkan kandungan penulisan yang mengandungi idea-idea tentang pengiktirafan taraf agama yang sama kepada semua penganut agama. Artikel ini membincangkan tentang kesedihan seorang anak perempuan yang bernama Maira yang beragama Kristian terhadap kematian bapanya yang bertugas sebagai juruterbang pesawat MH370. Tema yang cuba ditonjolkan dalam artikel ini apabila penulis menanggapi semua penganut agama itu sama tarafnya di mana tiada beza sama ada ia Muslim atau pun beragama selain itu. Dakwaan ini bersandarkan kepada penyataan penulis yang telah menghadihkan bacaan al-Fatihah dan serangkai selawat kepada bapa Maira yang dirujuk sebagai juruterbang MH370 yang terkorban dalam naas udara pada tahun 2014 sedangkan semua maklum beliau merupakan seorang penganut Kristian. Petikan dari buku tersebut seperti berikut:

“...Untuk keyakinan dan kekuatanmu Maira, kami membacakan buat bapamu dan seluruh insan, manusia, dan makhluk ciptaan Allah Yang Maha Penyayang dalam pesawat itu serangkai selawat. Juga al-Fatihah.” (Faisal 2016: 13)

Perbuatan menghadihkan bacaan al-Fatihah kepada si mati merupakan antara tata cara adab Muslim dalam menzahirkan kesedihan terhadap kematian saudara sesama Muslim. Namun, apabila

ia dilakukan terhadap penganut agama lain jelas menunjukkan berlakunya pengiktirafan kesamaan terhadap semua penganut agama. Bukan itu sahaja, artikel ini turut berani memberi pengiktirafan ‘mukmin’ kepada seorang penganut Kristian sedangkan nilai dan taraf ‘mukmin’ itu hanya eksklusif untuk Muslim yang beriman kepada Allah sebagaimana dijelaskan dalam al-Quran (al-Anfal; 2-4). Petikan dari buku tersebut seperti berikut:

“...Sungguh Maira, *redhamu itu adalah redha orang mukmin*. As-Sadiq pernah ditanya, ‘Bagaimakah mengetahui orang mukmin adalah seorang yang Mukmin?’. As-Sadiq telah menjawab, ‘Dengan penyerahan dirinya kepada Allah dan keredaannya terhadap kebahagiaan dan kesengsaraan yang ada padanya. Kami semua, termasuk pendakwah yang menuju penumpang di atas pesawat itu pemaksiat harus malu dan tahu bahawa kau Maira kelihatannya telah mengenal bahkan mengucap nikmat Inna lillahi wa inna Ilahi raijun, sesungguhnya kami hanya milik Allah dan kepada-Nyalah kami akan berangkat kembali’. Dan intipati doktrin tauhid itu kau rapikan dalam mesej penuh keremajaan tetapi amat lara bagi jiwa kami, ia berbunyi – “God loves you more daddy... God loves them more.” (Faisal 2016: 13)

Pengiktirafan “mukmin” kepada seorang penganut Kristian merupakan antara bentuk penyelewengan aqidah yang bertentangan dengan panduan wahyu. Al-Quran telah meletakkan indikator yang jelas tentang konsep mukmin yang sebenarnya dengan merujuk kepada surah Surah al-Anfal tentang ciri-ciri orang-orang yang mendapat taraf mukmin tersebut. Firman Allah S.W.T;

Maksudnya: Sesungguhnya orang yang beriman itu apabila disebut nama Allah gementar hati-hati mereka. Apabila dibacakan ayat-ayat kami, bertambah iman mereka. Mereka bertawakkal kepada Allah. Mereka mendirikan solat dan menunaikan zakat dan menafkahkan sebahagian harta. Mereka lah orang mukmin yang sebenarnya (al-Anfal: 2-4)

Walau bagaimana pun dalam buku ini, penulis begitu mudah memberi penarafan “mukmin” kepada penganut agama lain tanpa rasa bersalah. Tidak dapat dinafikan dari segi moral, penganut Kristian itu (merujuk kepada Maira-anak kepada juruterbang) seorang yang baik kerana tabah dan sabar menerima berita kematian ayahnya, namun menyandarkan nilai mukmin ke atas seorang penganut Kristian merupakan satu perbuatan yang agak keterlaluan dan selari dengan konsep ‘*Transcedent Unity of Religious*’. Perkara ini tidak sesuai malah bertentangan dengan ayat al-Quran di atas. Menurut Ibn Kathir (1996), Allah menyenaraikan sifat sebenarnya orang yang beriman dan malahan ditegaskan sifat “mukmin yang sebenarnya” yang mendapat pengampunan dan syurga.

Konsep ‘*Transcedent Unity of Religious*’ turut juga didapati dalam buku “Antithesis” yang ditulis oleh Benz Ali. Dalam artikel yang ke 89- Al-Fatihah (Buat Nelson Mandela), penulis tanpa sedikit pun menunjukkan rasa kejanggalan menghadiahkan bacaan al-Fatihah kepada Nelson Mandela, seorang tokoh yang mengetuai penolakan dasar aparteid di Afrika Selatan suatu ketika dahulu. Malahan, penulis buku ini berani menterjemahkan pengertian al-Fatihah dengan mendedikasikan kepada Nelson Mandela ini yang diketahui sebagai seorang penganut Kristian. Benz Ali menyebut;

“...Bismillahir rahmanir rahim...dengan nama tuhan, orang-orang tertindas seluruh dunia, dengarlah, Alhamdullilahi rabbil alamin, segala puji dan puja kepada setiap jiwa-jiwa yang tega melawan penindasan...” (Benz Ali 2014: 210)

Penulisan sebegini jelas menggambarkan bahawa penulis menanggapi bahawa semua penganut agama adalah sama kerana masing-masing tetap menuju pengabdian mereka kepada Tuhan yang satu. Maka, kekaguman penulis terhadap jasa Nelson mengaburi pemikiran penulis sehingga rasa tidak janggal memberi pengiktirafan sebagai seorang mukmin yang mempunyai kedudukan yang tinggi di sisi Tuhan.

SEMUA MANUSIA BERHAK MENDAPAT BALASAN KEBAIKAN DAN SYURGA ASALKAN DIA BAIK

Selain mengiktiraf penyamarataan taraf dan kedudukan bagi semua agama, pemikiran pluralisme agama turut beranggapan bahawa semua manusia yang baik berhak menikmati balasan syurga tanpa mengira latar belakang agama. Kebanyakan sarjana yang mendukung pemikiran pluralisme agama melihat syarat utama kelayakan ke syurga bukanlah terletak kepada agama semata-mata, tetapi amal kebaikan, sumbangan kebajikan kepada sejagat dan rahmat Tuhan yang akan menjadi ‘tiket masuk’ ke syurga (Hofmann 2005; Legenhause 2005). Pandangan ini turut dipersetujui dan diungkapkan dalam kandungan ke dua-dua buah buku yang dikaji ini. Contohnya dalam buku “Aku..., Maka Aku Ada” menerusi petikan yang terkandung dalam artikel “MH370, Maira mengajar kami” penulis buku ini menanggapi penganut agama selain Islam layak menikmati balasan syurga di atas jasa dan sumbangannya kepada manusia. Penulis buku ini juga melihat balasan syurga kepada non-Muslim ini atas dasar sifat keadilan yang Allah miliki ke atas hamba-hamba Nya. Faisal menyebutkan:

“Aku memohon supaya kau mendengar kata nurani mu yang lebih bersih itu, janganlah kau mendengar lemparan kata seorang manusia yang percaya bahawa konon ibunya tidak beriman sepertinya; maka ibunya akan ke neraka, sedang ia sudah memeluk Islam maka terjamin berakhir di syurga. *Tidak seperti itu. Allah telah meninggikan langit dan Dia telah meletakkan neraca (keadilan)*”. Sungguh *Maira, Sungguh Maira, kau termasuk dalam kalangan sekalian makhluk yang ada di langit dan di bumi sentiasa berhajat dan memohon kepada Nya*. Dari cerita-cerita mu ternyata bapa mu adalah seorang yang penuh dengan kebaikan, maka kebaikan akan diberi balas kebaikan dengan setimpal” (Faisal 2016: 11)

Pandangan penulis “Aku..., Maka Aku Ada” tentang balasan syurga kepada non-Muslim juga selari dengan pandangan penulis kandungan buku “Antithesis”. Kelainan buku “Antithesis” ini bila penulisnya secara jelas dan lantang mengkritik tentang ketidakpuasan hatinya terhadap non-Muslim yang mendapat balasan neraka sedangkan banyak menyumbang jasa bakti kepada manusia. Penyataan beliau ini boleh dirujuk pada petikan berikut:

“...Doktor-doktor yang merawat Awie kebanyakannya bukan Islam. Terkedu memikirkan. *Atheis- agnostik, dirawat bukan Islam. Sementara yang Islam, mengatakan, bila Atheis dan bukan Islam mati, mereka akan masuk neraka. Doktor-doktor ini bukan main susah belajar untuk merawat manusia, kemudian apabila mereka mati, mereka akan dihantar ke dalam neraka? Kegilaan apakah ini?*” (Benz Ali 2014: 214)

Luahan ketidakpuasan hati penulis ini menggambarkan penulis celaru dalam memahami konsep syurga dan neraka dalam konteks Islam. Bukan itu sahaja, petikan seterusnya turut menggambarkan keadaan penulis yang terperangkap dengan hujah dan idealisme akalnya sendiri apabila beliau tidak dapat menerima bahawa syarat utama seseorang manusia itu ke syurga mestilah ia yakin dan beriman dengan Allah dan Rasulullah SAW seperti firman Allah yang bermaksud:

Dan berilah khabar gembira kepada orang yang beriman dan beramal soleh, sesungguhnya mereka beroleh Syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai; tiap-tiap kali mereka diberikan satu pemberian dari sejenis buah-buahan Syurga itu, mereka berkata: Inilah yang telah diberikan kepada kami dahulu dan mereka diberikan rezeki itu yang sama rupanya (tetapi berlainan hakikatnya) dan disediakan untuk mereka dalam Syurga itu pasangan-pasangan yang sentiasa bersih suci, sedang mereka pula kekal di dalamnya selama-lamanya. (al-Baqarah: 25)

Pandangan kedua-dua penulis dalam hal balasan syurga dan neraka ini menampakkan mereka berdua sealiran dengan pemikiran pluralisme yang menanggapi semua manusia yang bermoral dan baik kepada makhluk yang lain berhak menerima

balasan syurga di akhirat kelak. Menurut Khalif Muammar (2013) dalam hal ini, perlu lebih berhati-hati untuk tidak mengambil peranan Tuhan dalam menentukan perkara pembalasan ini. Menurut Ibn Kathir (1996), dalam ayat ini terdapat piawai yang jelas dalam menentukan kelayakan seseorang manusia menikmati balasan syurga iaitu orang yang membuktikan iman mereka dengan dan amal soleh. Terdapat banyak dalil sahih dan jelas dalam Al-Quran, hadis dan kitab muktabar boleh dirujuk dalam menjelaskan balasan syurga dan neraka ini, akan tetapi penulisan dalam kedua-dua buku ini tidak langsung merujuk akan sumber berkenaan. Maka, terhasil pandangan-pandangan yang berpandukan akal semata, dan ini boleh membawa kepada kekeliruan dan salah faham dalam kalangan pembaca Muslim.

TIADA KEBENARAN MUTLAK PADA MANA-MANA AGAMA

Pemikiran Pluralisme agama turut juga menekankan tentang ketiadaan kebenaran mutlak terhadap mana-mana agama. Ini bermakna kebenaran mutlak yang dimiliki oleh Islam turut ditolak dalam pemikiran pluralisme agama ini. Pendukung pluralisme agama beranggapan semua agama bersifat relatif, terbatas dan tidak sempurna serta tiada bersifat eksklusif. Mempercayai hanya satu agama sahaja yang memiliki kebenaran mutlak ini dianggap sebagai golongan ekstremisme (pelampau) (Fives 2019). Dakwaan mereka berdasarkan bahawa semua agama bersifat sama kerana semua agama muncul dari Tuhan dan sumber yang sama. Menurut Nurcholish Majid (1994) agama-agama lain berbicara secara berbeza tetapi merupakan kebenaran yang sama-sama sah, setiap agama mengekspresikan bahagian penting sebuah kebenaran. Menurut beliau lagi, pluralisme agama berasaskan kepada keyakinan bahawa semua Nabi dan Rasul memiliki bentuk perundangan dan jalan beragama yang berbeza-beza. Perbezaan antara agama ini mesti difahami dalam konteks berlumba-lumba dalam melakukan kebajikan. Untuk itu, tiada mana-mana agama boleh menandingi atau dibandingkan antara satu sama lain kerana setiap agama mempunyai sisi kebenaran mereka sendiri. Hasilnya, timbul beberapa komplikasi kesan dari menafikan pemilikan kebenaran mutlak terhadap mana-mana agama, antaranya; penggunaan kalimah Allah yang disandarkan kepada Tuhan pada setiap agama. Ekoran itu, pendukung pluralisme agama menganjurkan konsep Tuhan dalam semua agama adalah sama. Lahirlah dakwaan dari agama-agama

lain selain Islam yang menyatakan bahawa nama Allah adalah milik Tuhan agama mereka juga.

Sehubungan itu, isu penggunaan nama Allah turut menjadi bahan perbincangan dalam kedua-dua buah buku Indie ini. Penulis buku ini menolak penggunaan nama Allah terhad kepada Islam sahaja sekali gus menyokong pandangan pemikiran pluralisme agama yang mengangkat konsep tiada kebenaran mutlak untuk mana-mana agama. Kedua-dua buku tersebut mengiktiraf semua agama berhak menggunakan nama Allah bagi merujuk kepada Tuhan yang mereka imani dan yakini. Tiada mananya agama berhak mendakwa bahawa nama Allah adalah hak eksklusif agama mereka sahaja. Dalam buku “Aku..., Maka Aku Ada”, ada petikan berikut:

“...Lebih dari sekali aku memberitahunya, betul, satu masa dahulu aku pernah beranggapan bahawa *kalimah Allah adalah milik eksklusif umat Islam*. Masa beredar, aku pun sedar. Apabila aku semakin menelaah aku mendapat alasan untuk mempunyakan kalimah tersebut untuk satu umat atau pengikut agama tertentu tidak ada asasnya” (Faisal 2016: 47)

Ayat dalam petikan di atas ini jelas menunjukkan penulis buku ini telah meletakkan piawaiyan yang sama dalam memahami konsep ketuhanan. Dengan menggunakan alasan bahawa akal manusia agak terbatas dalam memahami bab ketuhanan dan mengelakkan konfrontasi yang berpanjangan dalam membincangkan persoalan ini, dia mengajak pembaca memilih jalan mudah dengan bersetuju bahawa semua agama berhak menggunakan nama Allah pada agama mereka dengan alasan hakikat kejadian alam ini sememangnya diciptakan oleh Allah. Isu-isu yang berkaitan dengan penyembahan dan cara menuju kepada Tuhan agama masing-masing adalah terpulang kepada agama tersebut dan ia tiada kaitan dengan Islam.

Buku “Antithesis” turut mengandungi pandangan yang menolak pemilikan kebenaran mutlak dalam Islam atau dalam bahasa yang mudah menyokong konsep inklusif dalam agama. Penulis buku ini menzahirkan pandangan telus beliau bahawa konsep iman tiada kaitan dengan pengakhiran hidup seseorang umat. Antara petikan tersebut:

“...aku berfikir, meneruskan analogi tersebut, bagaimana jika pada hari ini manusia-manusia yang ‘tidak beriman’ tetapi kehidupan mereka lebih baik daripada kehidupan orang-orang Islam, apakah mereka juga akan diazab dengan azab daripada Tuhan? Sedangkan orang-orang Islam, sentiasa meratib-ratib, bahawa hidayah adalah milik Allah. Maka apakah manusia-manusia yang tidak beriman tadi akan diazab? Tuhan orang Islam, digambarkan sangat eksklusif. Seolah-olah Tuhan

hanya milik orang Islam sahaja. Seolah-olah Tuhan hanya menguruskan kehidupan yang beriman sahaja. Yang tidak beriman diabaikan. Dan aku menolak konsep Tuhan yang semacam itu”. (Benz Ali 2014: 208).

Penulis buku ini telah meletakkan nilai atau taraf ‘amal kebaikan atau perbuatan kebaikan seseorang manusia itu lebih tinggi dari keimanannya kepada Allah sedangkan Allah telah menetapkan syarat utama manusia dipilih ke syurga Allah adalah keimanan kepada Allah dan tidak melakukan syirik kepada Nya seperti mana Firman Allah SWT;

Maksudnya: Dan sesiapa yang mencari agama selain agama Islam, maka tidak akan diterima daripadanya dan dia pada hari akhirat kelak dari orang-orang yang rugi. (al-Imran: 85)

KESIMPULAN

Buku indie bergerak melalui cetusan idea pemikiran yang segar, bebas dan terbuka dalam berkarya. Namun di sebalik kebebasan dan keterbukaan itu, ia boleh menjurus kepada pluralisme agama. Buku “Aku..., Maka Aku Ada” dan “Antithesis” mengangkat tiga elemen pluralisme agama iaitu elemen kebebasan, kesamarataan dan toleransi. Ini dapat dilihat dengan jelas apabila kedua buku ini mempunyai tiga parameter yang telah ditetapkan iaitu menuju Tuhan yang satu tetapi melalui jalan dan cara yang pelbagai; kebenaran yang sama rata bagi semua agama; semua manusia berhak mendapat balasan kebaikan dan syurga tanpa mengira kedudukan agama. Buku yang pertama mengandungi tujuh perkara yang secara jelas selari dengan pluralisme agama manakala buku yang kedua pula mempunyai lima perkara. Ringkasnya, kedua buku ini telah meluahkan pandangan yang kritis dalam isu-isu kemasyarakatan dengan semangat kebebasan dalam berkarya, tetapi mengandungi elemen pluralisme agama.

PENGHARGAAN

Penerbitan artikel ini hasil pembiayaan dari Geran Penyelidikan Cabaran Perdana (CP), Universiti Kebangsaan Malaysia (DCP-2017-013/3) dan dari geran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) (PP-2019-14)

RUJUKAN

Al-Quran
 Ali Salman & Mohd Safar Hashim. 2011. New media and democracy: The changing political landscape in Malaysia. *Akademika* 81(1): 15–21.

- Azril Mohd Amin. 2017. *Gerakan Liberalisme di Malaysia: Kajian kes. Wacana Pemikiran dan Peradaban Ummah ke-9: Liberalisme Agenda Jahat Iluminati*, 9. Auditorium Besar Jakim, Putrajaya, 17 Januari.
- Bryne, P. 1995. *Prolegomena to Religious Pluralism*. London: Macmillan Press.
- Cheang, Sim Chee. 2019. Indie phenomenon: Sustainability of Malay literature. *International Journal of Academic Research in Business & Social Sciences* 9 (9): 273-281.
- Creeber, G. 2009. Digital theory: Theorizing new media. Dlm. *Digital Cultures Understanding New Media*, disunting oleh Martin, 1-11. New York: Open University Press.
- Fives, A. 2019. The freedom of extremists: Pluralist and non-pluralist responses to moral conflict. *Philosophia* 47(3): 663-680.
- Haslina Ibrahim. 2014. Dari kepelbagaian agama kepada pluralisme agama: Sejarah perkembangan. Dlm. *Pluralisme Agama: Suatu Penelitian Islami*, disunting oleh Mohd Farid Mohd Shahran, 11-41. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Malaysia (IKIM).
- Hick, J. 1987. Religion pluralism. Dlm. *The Encyclopedia of Religion*, disunting oleh Mircea Eliade, 12: 331. New York: Macmillan Publishing.
- Hick, J. 1988. Religious pluralism and salvation. Dlm. *The Philosophical Challenge of Religious Diversity*, disunting oleh Meeker, 63–64. New York: Oxford University Press.
- Hick, J. 1989. *An Interpretation of Religion*. London: Macmillan Press.
- Hofmann, M. W. 2005. Religious pluralism and Islam in a polarised world. Dlm. *Islam and Global Dialogue: Religious Pluralism and the Pursuit of Peace*, disunting oleh Boase, 238. London: Ashgate publishing house.
- Ibn Kathir. 1996. *Tafsir al-Quran al-Azim*. al-Qahirah: Dar Salah al-Din li al-Turath.
- Jalaluddin Rakhmat. 2006. *Islam dan Pluralisme: Akhlak Qur'an Perbedaan*. Jakarta: Serambi.
- Jamal al-Banna. 2001. *al-Ta'addudiyyah fi Mujtama' Islami*. al-Qahirah: Dar al-Fikr.
- Jube. 2008. *Revolusi Indie Label: Muzik Underground Indonesia*. Yogyakarta: Harmoni.
- Khalif Muammar. 2013. *Islam dan Pluralisme Agama*. Kuala Lumpur: CASIS, Universiti Teknologi Malaysia.
- Legenhause, M. 2005. A Muslim's non reductive religious pluralism. Dlm. *Islam and Global Dialogue: Religious Pluralism and the Pursuit of Peace*, disunting oleh Boase, 69. London: Ashgate Publishing House.
- Mahmoud Ayoub. 2005. The Quran and the religious pluralism. Dlm. *Islam and Global Dialogue: Religious Pluralism and the Pursuit of Peace*, disunting oleh Boase, 278. London: Ashgate publishing house.
- Malaysian Book Publishers Association (MABOPA). 2016. *Country Report: Malaysia 2016*. <http://mabopa.com.my/upload/attc/ABPAMalaysia%20Country%20Report%202016%20May%207th.pdf>. Retreived Dicember 16, 2019
- Md Asham Ahmad. 2014. Faham wasatiyyah menurut Al-Quran dan kesannya kepada tanggapan kaum muslimin terhadap pluralisme agama. Dlm. *Pluralisme Agama Suatu Penelitian Islami*, disunting oleh Mohd Farid Mohd Shahran, 155–171. Kuala Lumpur: IKIM.
- Mohammad Hasan Sharafi Che Mohd Adli. 2017. Unsur-Unsur Kebebasan Dalam Penerbitan Buku Indie. Tesis Sm. P. I. Jabatan Dakwah dan Kepimpinan, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Mohd Farid Shahran. 2014. Islam dan pluralisme agama: Isu-isu aqidah semasa. Dlm. *Pluralisme Agama satu Penelitian Islami*, disunting oleh Mohd Farid Mohd Shahran, 43–72. Shah Alam Selangor: IKIM.
- Mohd Fauzi Hamat & Wan Adli Wan Ramli. 2007. Pendekatan Epistemologi dalam Menangani Pluralisme Agama. *Konsep Asas Islam dan Hubungan Antara Agama*, hlm. 33–112. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam UM.
- Muhamad Faisal Ashaari, Lily Yaacob dan Rosmawati Mohamad Rasit. 2018. Tarikan terhadap buku Indie dalam kalangan pembaca muda di Malaysia. *Islamiyyat* 40(2): 169–178.
- Muhammad Atiullah Othman, Nadarajan Thambu & Siti Noranizahhafizah Boyman. 2018. Elemen dalam buku Indie : Satu kajian Grounded Theory dalam kalangan mahasiswa UPSI. *International Journal of Islamic Thought* 14(Dec): 38–51.
- Muhammad Febriansyah. 2016. Penerbit Indie dan idea palsu penentangan. Dlm. *Kerikil*, disunting oleh H. Muhammad Haris Zuan, 37–44. Petaling Jaya, Selangor: Gerakbudaya Enterprise.
- Muhammad Rashidi Wahab & Siti Nur Hidayah Kusmin. 2017. Fenomena buku Indie di Malaysia. *Jurnal Penyelidikan Islam Jakim* 20: 61-84.
- Nasr, S. H. 1989. *Knowledge and Sacred*. Alabama: State University of New York Press.
- Nur Hasimah Ismail, Nordiana Ab Jabar, Melor Fauzita Md. Yusoff, Mohammad Syawal Narawi. 2018. Identiti dan gaya penulisan karya indie. *International Journal of Humanities, Philosophy, Language* 1(4): 94–102.
- Nurcholish Majdid. 1994. *Islam, Agama Manusia Sepanjang Masa. Pintu-Pintu Menuju Tuhan*. Jakarta: Paramadina.
- Nurcholish Majdid. 1998. Dialog diantara ahli kitab. Sebuah pengantar. *kata pengantar untuk George B. Grose dan Benjamin J Hubbard (editor)*, *Tiga Agama Satu Tuhan: sebuah dialog*, terj. Santi Unra Astuti, Bandung: Mizan.
- Rahner, K. 2001. Christianity and the non-Christian Religion. Dlm. *Christianity and Other Religion*, disunting oleh John Hick & Brian Hebblethwaite. Oxford: Oneworld Publication.
- Smith, W. C. 1967. *Questions of Religious Truth*. New York: Scribners.

PENGARANG

Dr. Muhamad Faisal Ashaari (Pengarang Koresponden)
 Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan
 Fakulti Pengajian Islam,
 Universiti Kebangsaan Malaysia,
 43600 UKM Bangi,
 Selangor, Malaysia
faisal@ukm.edu.my

Dr. Rosmawati Mohamad Rasit
Pensyarah Kanan dan Pengerusi
Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor, Malaysia
rosmawati@ukm.edu.my

Lily Yaacob
Pensyarah
Institut Pendidikan Guru
Kampus Pendidikan Islam
Jalan Maktab, Off Jalan, Ayer Hitam
43650 Bandar Baru Bangi Selangor Darul Ehsan
lilykpi2014@gmail.com